

**PENDUDUK** meredah air banjir kilat di beberapa kawasan perumahan di Papar.

# PERANGKAP MAUT

**Pencawang elektrik dinaiki air setinggi dua meter selepas beberapa kawasan di Papar banjir kilat**

**Mohd Ruzaini Zulkepli**  
hmkk@hmetro.com.my

**Papar**

**“P**enduduk kawasan ini bukan sahaja berdepan dengan masalah banjir kilat, malah terpaksa bergadai nyawa kerana pencawang elektrik turut dinaiki air,” kata Nixon Sinau, 42, antara 500 mangsa banjir di Taman Villa Saujana dan Taman Langkuas di Kinarut, dekat sini, yang dinaiki air hampir semeter sejak Khamis lalu.

Nixon berkata, antara punca banjir kilat itu disebabkan sistem perparitan dan pembinaan jalan di kawasan mereka kurang diselenggara oleh pihak berwajib sehingga menyebabkan penempatan mereka sering kali ‘tenggelam’ apabila hujan lebat.

Menurutnya, lebih membimbangkan apabila sebuah pencawang elektrik milik Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) turut terjejas teruk selepas dinaiki air setinggi dua meter akibat hujan berterusan.

“Sebenarnya, masalah ini sudah dialami sejak lima tahun lalu di mana penduduk terpaksa berdepan situasi banjir sehingga ada kalanya mencecah dua meter.

“Apa menakutkan kami apabila sebuah pencawang elektrik milik SESB terletak berhampiran kawasan perumahan ini juga sering dinaiki air dan ia diibaratkan sebagai ‘perangkap maut’ lebih-lebih lagi kepada anak-anak kami,” katanya ditemui di tempat kejadian, di sini, semalam.

Tinjauan Harian Metro di lokasi berkenaan mendapati

**NIXON** menunjukkan pencawang elektrik SESB yang turut dinaiki air.



banjir kilat itu menyebabkan kerosakan harta benda apabila ia turut menghakis simen dan dinding kediaman mereka.

Penduduk lain, Rohizat M Sikh, 49, berkata, masalah itu sudah dimaklumkan kepada pihak berwajib seperti Majlis Daerah Papar (MDP), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta pemaju perumahan, namun tiada jalan penyelesaian.

“Kami sudah menghantar surat rayuan bagi mengajukan perkara ini kepada pihak berwajib sejak beberapa tahun lalu, namun sehingga kini belum ada sebarang tindakan.

“Jangan sampai ada penduduk yang terkorban kerana terkena renjatan elektrik, barulah mereka mahu bertindak segera,” katanya.

Timbalan Menteri Kerja Raya merangkap Ahli Parlimen Papar Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin yang turut me-

lakukan tinjauan di lokasi berkenaan berkata, pihaknya akan mencari penyelesaian jangka pendek dalam menangani masalah berkenaan.

Menurutnya, beliau mengambil peluang turun padang bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kawang Datuk Ghulam Haidar Khan Bahadar untuk melihat sendiri permasalahan banjir kilat di Taman Villa Saujana dan Taman Langkuas, di sini, sebaik menerima aduan penduduk.

“Saya sudah berbincang dengan penduduk dan kita memandang serius perkara ini, selain akan memanggil pihak berwajib supaya mengambil tindakan holistik dalam tempoh terdekat bagi mengatasi masalah banjir kilat.

“Saya dimaklumkan pihak SESB sudah mematikan bekalan bagi menjalankan kerja penyelenggaraan sejak pagi semalam (kelmarin),” katanya.